



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA

---

**Bil. 50**

**Rabu**

**22 November 2017**

---

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Status Perumahan Kos Rendah Kampung Railway**  
– *YB. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)*

[Halaman 1]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 22 November 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Status Perumahan Kos Rendah Kampung Railway**

**2.34 ptg.**

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan mengenai status pembinaan perumahan kos rendah untuk penduduk Kampung Railway di Sentul.

Seperti yang Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, penduduk Kampung Railway pada masa ini masih lagi menunggu perumahan kos rendah mereka seperti yang dijanjikan kepada mereka pada tahun 2013. Sehingga kini, tiada maklumat mengenai pembangunan, lokasi dan perjanjian jual beli yang telah dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kementerian dapat menjelaskan status projek ini kerana penduduk Kampung Railway telah menunggu selama empat tahun. Sekian, terima kasih.

**2.35 ptg.**

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Batu, tapak asal untuk pembinaan perumahan kos rendah adalah di PT 117 dan Lot 20006. Walau bagaimanapun, dua tapak ini terdapat permasalahan yang melibatkan pengalihan kabel 33 kilovolt (KV) milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) sepanjang 1.5

kilometer dan saluran paip milik Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) sejauh 500 meter yang merentasi dua tapak tersebut.

Di dua tapak tersebut juga, terdapat isu hak milik tanah yang masih belum diselesaikan dan ianya masih dalam tindakan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTG WPKL).

Berdasarkan permasalahan di atas, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pemaju telah bersetuju untuk menukar tapak pembinaan perumahan kos rendah ke tapak lain iaitu PT 118, yang mana tapak ini asalnya adalah untuk cadangan pembinaan rumah kos sederhana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkembangan terkini untuk cadangan pembinaan pangsapuri kos rendah bagi penduduk Kampung Railway Sentul, pihak pemaju telah diberikan kelulusan kebenaran merancang pada 25 Oktober 2017. Pihak Pemaju telah mengemukakan permohonan pelan bangunan pada 10 November 2017 untuk mendapatkan kelulusan kebenaran mendirikan bangunan (KMB) dan permohonan tersebut dalam peringkat pertimbangan pihak DBKL. Kerja-kerja pemasangan *hording* akan dilaksanakan di tapak oleh pemaju dalam pertengahan bulan Disember 2017.

Tuan Yang di-Pertua, pihak DBKL telah pun mengeluarkan surat tawaran kepada penduduk Kampung Railway Sentul dan Perjanjian Jual Beli pula akan ditandatangani dengan penduduk setelah projek dilaksanakan dijangkakan selewat-lewatnya pada Disember 2018. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 23 November 2017.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.37 petang]***